

Headline	Love You Mr. Arrogant mirip filem Korea		
MediaTitle	Kosmo		
Date	21 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Hiburan	Circulation	115,967
Page No	43	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	843 cm <sup>2</sup>
Journalist	KHAIRUL AMRI HASSAN	AdValue	RM 7,330
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,989



Oleh KHAIRUL AMRI HASSAN  
amri.hassan@kosmo.com.my

**P**ERNAH menonton filem *100 Days With Mr. Arrogant* terbitan dari negara Korea Selatan? Jika pernah, mungkin ada yang menyifatkan drama rantaian *Love You Mr. Arrogant* yang sedang hangat ditayangkan di slot *Akasia TV3* setiap hari Isnin hingga Khamis pukul 7 malam itu mirip filem tersebut.

Bukan sahaja jalan cerita yang hampir sama, judul yang digunakan untuk disiarkan di kaca televisyen juga turut menggunakan perkataan 'Mr. Arrogant'.

Kebetulan atau tidak, drama yang dibintangi oleh Azlee Khairi, Zara Zya, Hanez Suraya, Keith Foo, Anzalna Nasir, Norish Karman dan Mustapha Kamal itu asalnya sebuah drama adaptasi novel terkenal *Love You Mr. Arrogant* nukilan Aliesha Kirana.

#### Nilai Melayu

Kata pengarah drama tersebut, Eoon Shuhaini, ada kemungkinan berlaku persamaan daripada segi kandungan dan jalan cerita tapi konsep serta pengolahan watak diberikan suntikan baharu yang lebih bersifat tempatan.

Ujarnya: "Drama ini merupakan seratus peratus adaptasi daripada novel tapi dikembangkan untuk membentuk jalan cerita yang lebih kompleks dan meluas."

"Novel mungkin ceritanya terlalu padat, maka saya mengambil langkah untuk mengolah jalan cerita akhir drama ini yang pasti akan memberikan kejutan kepada penonton."

"Saya akui pernah menonton filem *100 Days With Mr. Arrogant* sebelum ini dan mungkin secara kebetulannya adalah sama daripada segi ideanya, tapi tidak pula saya ketahui siapa ciplak siapa, sama ada penulis novel atau karyawan dari Korea."

"Filem *100 Days With Mr. Arrogant* lebih memfokuskan kepada golongan remaja dan budaya yang berbeza tetapi drama *Love You Mr. Arrogant* lebih bercirikan nilai-nilai sejagat di Malaysia serta kisah klise mengenai perbezaan darjat dan agama," katanya yang ditemui di set penggambaran drama itu di Kota Damansara, Selangor baru-baru ini.

*Love You Mr. Arrogant* mengisahkan Irham (Azlee Khairi) dan

Zaara (Zara Zya) yang bertemu dalam satu kemalangan kecil yang tidak disengajakan.

Ketika Irham buntu memikirkan cadangan emaknya, Maryam (Norish Karman) yang ingin menjodohkannya dengan Sherry (Hanez Suraya), Irham menyatakan hasrat untuk memperisterikan Zaara selepas hanya beberapa hari berkenalan.

Dalam pada itu, Irham perlu menyelamatkan syarikat bapanya yang mungkin jatuh ke tangan sepupunya, Hadry jika dia enggan berkahwin.

Perkahwinan tanpa rela itu berlangsung tanpa ada perasaan cinta dan kehidupan Zaara menjadi kacau-bilau gara-gara sifat ego Irham yang luar biasa.

#### Tekanan Zara

Sementara itu, ujar Zara Zya atau nama sebenarnya Zainurul Razia Mohd. Zainuddin, 28, cabaran utama membintangi drama itu adalah faktor penggambaran ketika drama sedang ditayangkan di televisyen.

"Seram sebenarnya apabila penggambaran belum habis ketika drama sudah mula ditayangkan di televisyen."

"Namun, Alhamdulillah maklum balas yang diberikan oleh penonton amat memberangsangkan dan kebanyakannya positif," ujarnya.

Bagaimanapun, Zara enggan dirinya dimanipulasi dengan populariti di laman-laman sosial seperti Instagram, Twitter dan Facebook malah pelakon lulusan persembahan teater Aswara itu meletakkan komen-komen sebagai satu tekanan.

"Saya lebih tertekan sebenarnya apabila melihat reaksi peminat di laman-laman sosial, saya takut apabila penonton sudah mula suka saya sendiri yang hilang fokus."

"Oleh itu buat masa sekarang saya abaikan dulu komen-komen di laman sosial dan tunggu sehingga tamat penggambaran," katanya yang turut membintangi drama *Puteri Malam* yang sedang disiarkan di *TV9* setiap hari Isnin.

Saksikan drama siri terbaharu slot *Akasia*, *Love You Mr. Arrogant* setiap hari Isnin hingga Khamis pukul 7 malam di *TV3*.

SATU babak drama bersiri *Love You Mr. Arrogant*.



AZLEE KHAIRI dan Zara Zya merupakan dua pelakon utama *Love You Mr. Arrogant*.

**“Saya lebih tertekan sebenarnya apabila melihat reaksi peminat di laman-laman sosial, saya takut apabila penonton sudah mula suka saya sendiri yang hilang fokus”**  
- ZARA

# Love You Mr. Arrogant mirip filem Korea